

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 DECEMBER 2016

Mohamad (tengah) bersama Dr Mahathir dan Kit Siang (dua dari kiri) pada Majlis Perasmian Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara di Shah Alam, semalam.



Dr M anggap pas keliru

BH-11/12/2016

➔ **Konvensyen jadi medan serangan terhadap UMNO, SPR**

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Norrasidah Arshad
bhnews@bh.com.my

✦ **Shah Alam**

Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara, semalam, menjadi medan bagi pemimpin pembangkang termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan serangan terhadap UMNO, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan PAS yang disifatkan masih keliru dalam perjuangan politiknya.

Serangan berterusan itu berlaku ketika bekas Perdana Menteri sekali lagi berkongsi pentas bersama Penasihat DAP, Lim Kit Siang, pada konvensyen di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) itu yang disertai Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu dan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar.

Kali ini, Dr Mahathir menyifatkan PAS keliru dalam perjuangan politiknya kerana memisahkan diri dengan pakatan harapan yang turut dianggotai DAP, PKR dan Parti Amanah Negara.

Penasihat Parti Pribumi Bersatu

Malaysia (PPBM) itu pada sidang media berkata, PAS seharusnya membuat keputusan jitu berhubung pendiriannya sama ada hendak bersama pakatan harapan atau bersama Barisan Nasional (BN).

Tetapkan keputusan

"PAS sedikit keliru. Pada masa ini mereka sebahagian daripada kerajaan Selangor yang ada DAP. Pada masa sama, mereka tidak mahu bersama kita (pakatan harapan).

"Saya rasa mereka (PAS) kena tetapkan keputusan. Kita tunggu mereka dan kemudian putuskan sama ada mereka mahu parti mereka saja, bersama Umno atau kita pembangkang yang termasuk DAP dan Amanah," katanya mengulas tindak-tanduk PAS memutuskan hubungan dengan pakatan harapan tetapi mesra dengan parti pemerintah.

Sementara itu, Nurul Izzah menganggap sikap ditonjolkan PAS itu hanya menyukarkan pakatan pembangkang untuk merampas kerajaan daripada BN.

Katanya, tindak-tanduk PAS tidak akan membantu pembangkang malah mengganggu usaha pakatan bersatu untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Mohamad ketika menyampaikan ucapan pada konvensyen itu terus menuduh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjadi alat kepada BN walaupun berjaya merampas beberapa negeri daripada BN pada pilihan raya umum sebelum ini.

Beliau menyalahkan sistem pilihan

raya negara, kononnya menghalang pembangkang untuk menjadi parti memerintah dan membentuk kerajaan.

Beliau mendakwa, sistem *first past the post* (FPTP) hanya memberi kelebihan berterusan kepada UMNO-BN, sama seperti tuduhan yang dilingkarkan sebelum ini yang mahukan parti mendapat undi popular diisytiharkan pemenang walaupun jumlah kerusi dimenangi lebih rendah berbanding lawan.

Terus kecam UMNO

Sistem berkenaan yang diguna pakai sejak sebelum merdeka lagi, menggunakan kaedah pembahagian kawasan pilihan raya kepada beberapa kawasan.

Pemilihan wakil rakyat dibuat untuk setiap kawasan menggunakan kaedah pertandingan undi majoriti.

Kit Siang pula melabel UMNO seperti Nazi apabila menyerang parti itu pada Perhimpunan Agung UMNO yang lalu.

"Selepas mendengar ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sangat jelas ada kempen besar ala Nazi yang disebar oleh UMNO mewujudkan kebencian (kepada DAP).

"Propaganda ala Nazi, pertama, saya ada senarai Kabinet bayangan. Propaganda kedua, saya sebagai subejen kepada George Soros.

"Ada karikatur menunjukkan tangan saya memegang Tun Dr Mahathir, Mohamad Sabu dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail," katanya.

Saya rasa mereka (PAS) kena tetapkan keputusan. Kita tunggu mereka dan kemudian putuskan sama ada mereka mahu parti mereka saja, bersama Umno atau kita pembangkang yang termasuk DAP dan Amanah"

Dr Mahathir Mohamad,
Presiden PPBM